

Gangguan Seksual Remaja: Persepsi Pelajar Kolej PERMATA Insan

Aireen Rania Ahmad Ramzauddin^{1*}, Ahmad Bazli Ahmad Hilmi¹

¹ Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: aireen.rania158@gmail.com

ABSTRAK

Kes gangguan seksual semakin meningkat saban tahun dan memberikan trauma kepada mangsa. Namun, kajian berkenaan gangguan seksual daripada perspektif pelajar terutama pelajar pintar berbakat kurang diketengahkan. Kajian ini bertujuan untuk memahami persepsi pelajar Kolej PERMATA Insan (KPI) terhadap gangguan seksual dalam kalangan remaja. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur melibatkan persampelan bertujuan iaitu pelajar yang telah mengikuti sekurang-kurangnya tiga tahun pengajian dan data temu bual dianalisis secara manual. Hasil kajian menunjukkan informan mempunyai kesedaran berkenaan konsep gangguan seksual dan pendedahan tentang perkara juga diketengahkan oleh pihak sekolah. Majoriti informan bersifat terbuka untuk membincangkan gangguan seksual yang dihadapi dan ada juga bersedia secara bersyarat. Semua informan bersetuju bahawa gangguan seksual memberikan kesan terhadap emosi dan prestasi akademik. beberapa langkah turut dicadangkan untuk meningkatkan kesedaran dan pencegahan antaranya program pendidikan yang lebih interaktif dan mesra pelajar. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang persepsi pelajar mengenai gangguan seksual dan menyumbang kepada pembangunan dasar yang lebih berkesan dalam menangani isu tersebut dalam kalangan remaja.

Kata kunci: *pintar berbakat, kesan, emosi, prestasi, pelajaran*

PENDAHULUAN

Gangguan seksual dalam kalangan remaja merupakan isu yang semakin mendapat perhatian global. Kesan psikologi dan emosi yang dialami oleh mangsa boleh menjejaskan kehidupan mereka, terutamanya dalam aspek pendidikan. Kajian ini memberi tumpuan kepada persepsi pelajar pintar berbakat dari Kolej PERMATA Insan mengenai gangguan seksual dan kesannya terhadap kesejahteraan serta prestasi akademik mereka. Kajian ini juga mengkaji sama ada kesedaran dan mekanisme pencegahan sedia ada mencukupi untuk menangani masalah tersebut.

METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan maklumat berkenaan persepsi pelajar Kolej PERMATA Insan mengenai gangguan seksual dalam kalangan remaja. Protokol temu bual separa berstruktur telah digunakan sebagai instrumen. Instrumen ini telah melalui proses pengesahan untuk memastikan soalan yang dibina adalah tepat, bermakna, boleh dipercayai, dan boleh digunakan, membolehkan data disimpulkan (Fraenkel & Wallen, 2009). Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan seperti yang dicadangkan oleh Gay & Airasian (2003). Subjek kajian terdiri daripada pelajar Kolej PERMATA Insan yang memberi maklum balas berdasarkan persepsi mereka

mengenai gangguan seksual dalam kalangan remaja. Ciri-ciri khas peserta adalah pelajar perempuan Kolej PERMATA Insan yang telah mengikuti sekurang-kurangnya tiga tahun pengajian. Seramai 4 orang peserta telah ditemubual dan data temu bual dianalisis secara manual.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan informan mempunyai kesedaran berkenaan konsep gangguan seksual dan pendedahan tentang perkara juga diketengahkan oleh pihak sekolah. Majoriti informan bersifat terbuka untuk membincangkan gangguan seksual yang dihadapi dan ada juga bersedia secara bersyarat. Semua informan bersetuju bahawa gangguan seksual memberikan kesan terhadap emosi dan prestasi akademik. Beberapa langkah turut dicadangkan untuk meningkatkan kesedaran dan pencegahan antaranya program pendidikan yang lebih interaktif dan mesra pelajar.

KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk memperkukuh program kesedaran mengenai gangguan seksual dalam kalangan pelajar Kolej PERMATA Insan. Cadangan daripada kajian ini boleh membantu institusi pendidikan dalam merangka strategi yang lebih berkesan untuk menangani isu gangguan seksual dalam kalangan remaja

PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, penyelia saya, atas bimbingan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pelajar Kolej PERMATA Insan yang sudi mengambil bahagian dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Awang, F., Khalid, R. K. R. M., & Zam, A. M. (2020). Pemahaman dan Pengalaman Gangguan Seksual dalam Kalangan Masyarakat Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society (IJSPPS)*, 16.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2009). *How to Design and Evaluate Research in Education (7th ed)* . : (7th ed.). McGraw-Hill.
- Gay, L. R., & Airasian, P. W. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application (7th ed.)*. Merrill Prentice Hall
- Salleh, N. M., Haridi, N. M., Rahman, K. A. A., & Rashed, Z. N. "1097 Gangguan Seksual Dalam Kalangan Remaja Perempuan." Kertas kerja sisipan dalam 5th International Seminar On Islamiyat Studies 2019, 5th & 6th November 2019, Tenera Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor.